

01 MAY, 2023

## Persaingan sayur import jejas pekebun tempatan

Harakah, Malaysia

Page 1 of 2

# Persaingan sayur import jejas pekebun tempatan

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Laporan *Harakahdaily* pengusaha sayur-sayuran di Tanah Tinggi Lojing dan Cameron Highlands terpaksa membuang kira-kira 50 tan hasil pertanian setiap hari turut mendapat perhatian menteri.

Pada akhir Ramadan lepas mereka mendedahkan persaingan sayur-sayuran yang diimport dari Thailand dan China menyebabkan harga sayuran tempatan jatuh.

It memberi kesan terhadap kos operasi kebun, selain berdepan kenaikan harga input pertanian termasuk baja.

Bendahari Persatuan Pengusaha Sayur dan Bunga Bumiputera Lojing, **Mohd Rahimi Ibrahim** berkata, hampir 1,000 pengusaha sayur-sayuran di kawasan itu termasuk Cameron Highlands terjejas ekoran persaingan harga sayur-sayuran import.

Kata beliau sekiranya kerajaan tidak bertindak segera membendung kemasukan sayur import, ramai petani tempatan bakal menutup operasi.

"Saya berharap Jabatan Pertanian dan Lemba Baga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) datang meninjau situasi di Lojing," katanya di sini baru-baru ini.

Harga timun hijau atau timun Jepun pada akhir Ramadan lepas 30 sen sekilogram dan tomat gred A pun jatuh RM1 sekilogram.

Mohd Rahimi turut menjangka dalam tempoh dua tiga bulan sekiranya kerajaan tidak menghentikan kemasukan sayur-sayuran import, petani di Lojing akan gulung tikar.

Tiga tahun lepas pengusaha sayur tersebut terpaksa membuang



Mohd Rahimi Ibrahim



Khoy See Feng



Pekebun terpaksa membuang sayur-sayuran kerana harga ditawarkan pemborong begitu rendah.

hasil pertanian kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyukarkan hasil pertanian dipasarkan.

Dan sekarang mereka berdepan pula dengan lambakan sayur-sayuran import dari Thailand dan China.

Pada 24 April lalu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu dilapor memberitahu pihaknya akan meneliti masalah lambakan sayuran yang berlaku di Tanah Tinggi Lojing sehingga menjelaskan kira-kira 500 pekebun.

Sementara itu seorang pekerja kebun sayur, **Kar-Ci Munandy** berharap kerajaan mengutamakan produk pertanian tempatan kerana lebih terkawal kandungan bahan kimia.

"Sebaliknya kerajaan lebih utamakan produk dari Thailand dan China, sedangkan hasil pertanian import diperlakukan sebagai kandungan bahan kimia agak tinggi."

"Sedangkan sayur dari Lojing dan Cameron Highlands dikawal penggunaan bahan kimia sehingga boleh dieksport ke Singapura," ujarnya.

Seorang lagi pengusaha pertanian, **Khoy See Feng** berkata kenaikan harga sayuran-sayuran tempatan berpunca manipulasi orang tengah atau pemborong.

"Kami khawatir pemborong hanya menjual separuh sayur-sayuran yang diambil dari Lojing untuk mendapat keuntungan lebih apabila harga meningkat di pasaran.

"Sedangkan pemborong mendapat bekalan di kebun harga murah. Selain itu persaingan dengan sayur-sayuran yang diimport dari Thailand dan China," kata dia.

Kata beliau juga disebabkan harga murah diambil pemborong menyebabkan hasil pertanian ada yang diberi kepada penduduk dan restoran secara percuma.



01 MAY, 2023

## Persaingan sayur import jejas pekebun tempatan

Harakah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA BHARU: Laporan Harakahdaily pengusaha sayur-sayuran di Tanah Tinggi Lojing dan Cameron Highlands terpaksa membuang kira-kira 50 tan hasil pertanian setiap hari turut mendapat perhatian menteri. Pada akhir Ramadan lepas mereka mendedahkan persaingan sayur-sayuran yang diimport dari Thailand dan China menyebabkan harga sayuran tempatan jatuh. Ia memberi kesan terhadap kos operasi kebun, selain berdepan kenaikan harga input pertanian termasuk baja.